

Pengaruh Kepercayaan Dan Agama Islam Dalam Perubatan Tradisional Masyarakat Melanau Sarawak

Dr. Salmah Omar

Pusat Pengajian Umum, CAS
Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah
(salmahomar@uum.edu.my)

Dr. Rafidah Mohamad Cusairi

Pusat Pengajian Umum, CAS
Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah
(mcrafidah@uum.edu.my)

ABSTRAK

Perubatan tradisional seperti juga perubatan moden mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi menyembuhkan penyakit dan penderitaan dengan konsep dan cara yang tersendiri. Seperti masyarakat tradisional lain, masyarakat Melanau juga bergantung kepada perubatan tradisional untuk mengatasi masalah berkaitan dengan kesihatan. Kemasukan unsur-unsur perubatan moden ke dalam masyarakat Melanau tidak pula menjelaskan sepenuhnya pengetahuan dan kepercayaan mereka terhadap sistem perubatan tradisional. Keadaan ini berlaku kerana sistem itu masih diperlukan dan dipercayai keupayaannya untuk menyembuh dan mengubati sesuatu penyakit yang didapati tidak serasi dengan perubatan dan rawatan moden. Banyak terdapat kes di mana seseorang pesakit yang telah berubat secara moden dan kemudiannya beralih kepada perubatan tradisional sembah dengan sepenuhnya. Pengetahuan mengenai perubatan tradisional tidak hanya terbatas kepada penggunaan tumbuh-tumbuhan malah masyarakat ini juga menggunakan makhluk halus, jampi mentera dan doa-doa tertentu untuk menyembuhkan penyakit. Oleh itu, kepercayaan dan agama Islam berperanan penting dalam perubatan tradisional masyarakat Melanau. Justeru, artikel ini bertujuan untuk melihat pengaruh kepercayaan dan agama Islam dalam amalan perubatan tradisional masyarakat Melanau di Sarawak.

Kata kunci: kepercayaan, perubatan tradisional, masyarakat Melanau

Pendahuluan

Masyarakat Melanau adalah merupakan salah satu masyarakat etnik yang terdapat di negeri Sarawak. Dari segi sejarah dan asal-usul, orang Melanau dikaitkan dengan orang Kajang (Clayre dalam Morris 1978). Jackson mengatakan bahawa orang Melanau merupakan orang perantaraan di antara orang Melayu dan penduduk di pedalaman (Jeniri, 1988) dan MacDonald mengatakan orang Melanau membentuk hubungan di antara kaum primitif di hulu sungai dan penduduk yang yang lebih moden di persisiran Sarawak (MacDonald, 1958). Morris melaporkan bahawa nama Melanau diberikan oleh orang Melayu Brunei pada masa dahulu dan nama itu tercatat pada peta Sarawak pada tahun 1959. Dari segi geografi, pengelompokan orang Melanau sudah jelas iaitu sekumpulan penduduk yang mendiami kawasan pantai dari Delta Sungai Rajang hingga ke Bintulu di Utara (Morris, 1978). Pertembungan orang Melanau

dengan orang Melayu pula memang tidak dinafikan terutamanya melalui pengislaman (Zaini Ozea, 1998).

Secara umumnya masyarakat Melanau mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu baik dari segi kepercayaan, kebudayaan dan adat resam. Namun begitu masyarakat Melanau tetap mempunyai budaya dan adat resam mereka yang tersendiri. Adat resam ini jelas terlihat dalam aspek kehidupan mereka seperti kelahiran, perubatan, perkahwinan dan juga kematian. Adat resam atau amalan ini diwarisi sejak zaman berzaman dan masih diteruskan hingga ke hari ini.

Sistem kepercayaan

Sistem kepercayaan merupakan tunggak yang menentukan pandangan hidup dan tindak-tanduk masyarakat Melanau. Sistem kepercayaan ini mempengaruhi cara mereka berfikir, bertindak balas dengan alam, kejadian dan persekitaran. Animisme merupakan satu kepercayaan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melanau sebelum kedatangan agama Islam ke nusantara. Masyarakat ini mempercayai kewujudan kuasa ghaib dan kuasa luar biasa. Mereka percaya dunia ini mempunyai tiga lapis iaitu atas, pertengahan dan dunia bawah. Ketiga-tiga lapisan ini saling berkaitan. Di dalamnya terdapat unsur-unsur jahat dan baik. Golongan yang masih berpegang kuat kepercayaan ini ialah Melanau Pagan dan segelintir Melanau Kristian (Jeniri Amir, 1988).

Terdapat pelbagai jenis makhluk halus yang hidup di sekeliling manusia. Menurut Yasir 1987, manusia dikatakan terdedah kepada pelbagai jenis makhluk halus seperti *ipok, tow, amow dan duhig* daripada alam ghaib. Adalah dipercayai bahawa makhluk-makhluk halus inilah yang menjadi penyebab dan punca segala penyakit. Penyakit ini dipercayai terapung-apung di udara. Keadaan inilah yang menyebabkan ia mudah menyerang serta meresapi ke dalam badan manusia. Kuasa-kuasa ghaib jahat yang ingin mencederakan manusia menyebabkan terjadinya penyakit, memasuki badan manusia dari bawah kuku tangan atau kaki.

Pada amnya makhluk halus ini mendiami kawasan muara sungai, laut, bukit, gunung, hutan rimba, pokok dan sebagainya. Makhluk halus ini dipercayai boleh mengganggu dan memberi angkara kepada manusia. Oleh itu, untuk mengelakkan gangguan makhluk halus ini, maka masyarakat Melanau menganjurkan pelbagai upacara atau kenduri dan pantang larang untuk mengusir makhluk halus ini atau sekadar untuk menyenangkan hati makhluk halus tersebut sehingga tidak membuat angkara (Jeniri Amir, 1988). Misalnya kenduri tolak bala¹¹² (Jeniri Amir, 1988) diadakan setiap tahun ataupun pada masa tertentu apabila berlaku serangan wabak penyakit, peristiwa yang menggerikan menyerang segolongan penduduk atau terkena buatan orang¹¹³ (Ismail Hamid, 1998). Seterusnya upacara memberi makan kuala yang bertujuan untuk mendatangkan rezeki (mendapat banyak tangkapan ikan) dan

¹¹² *Keman yat* atau jamuan menolak bala dilakukan apabila seseorang sembuh daripada sakit, terselamat daripada apa-apa bencana dan juga sebagai tanda kesyukuran atas kejayaan dalam hidup. Selain itu, apabila berlakunya kejadian seperti burung hantu, *mabuk sat, kutit* dan sebagainya masuk rumah, maka tuan rumah perlu membuat *keman yat*. Tuan tumah perlu memujuk ipok supaya malapetaka tidak menimpah penghuni rumah berkenaan.

¹¹³ Upacara kenduri tolak bala bagi masyarakat Melayu Kampung Wang Kelian dilakukan oleh pawang. Sewaktu upacara dilakukan, pawang membaca mantera di samping membakar kemenyan dan lilin untuk mengusir makhluk halus. Penduduk kampung memasak roti yang dinamakan apam dan rasanya masin. Selain daripada apam, makanan lain yang dihidangkan ialah air jampi, telur ayam dan bertih.

menjauhkan penyakit. Semasa memberi makan hantu kuala ini dibawa patung bernama sidang. Ketupat dihidangkan kepada hantu kuala (Ibrahim Sa'ad, 1971).

Manakala pantang larang pula dianggap *social sanction* yang mengawal pergerakan dan tindakan mereka. Boleh dikatakan seluruh kehidupan masyarakat Melanau termasuklah aktiviti sosial, ekonomi, kematian, perkahwinan dan mengandung mempunyai pantang larang. Pengingkaran terhadap pantang larang boleh menyebabkan orang yang berkenaan ditimpa malapetaka atau terkena penyakit yang sukar sembah. Selain itu, pantang larang yang diamalkan dalam segala kegiatan dan peringkat kehidupan seseorang itu juga bertujuan untuk mengelak termakan sumpah atau terkena makhluk halus. Oleh itu, pantang larang yang berasaskan keturunan, penyakit dan peringkat hidup mestilah dipatuhi. Pantang larang itu bukanlah penghalang tetapi untuk melahirkan manusia yang sejahtera (Jeniri Amir, 1988).

Mengikut kepercayaan masyarakat Melanau juga, manusia merupakan gabungan daripada empat unsur utama iaitu, badan, roh, perasaan dan nyawa. Keempat-empat unsur ini penting untuk membolehkan seseorang terus hidup dan sihat. Oleh itu, keempat-empat unsur ini hendaklah bersatu tanpa gangguan. Masyarakat Melanau percaya bahawa satu-satu kemalangan atau terkena sesuatu penyakit itu berpunca daripada tindakan mereka yang melanggar adat, diganggu oleh makhluk halus ataupun terkena buatan orang (Yasir, 1987).

Pada peringkat awal agama Islam diterima oleh masyarakat Melanau, beberapa aspek budaya berasal daripada amalan aninisme masih diamalkan dalam kehidupan mereka. Keadaan ini berlaku kerana kekurangan pendakwah atau guru agama yang memberikan pengetahuan agama secara mendalam. Akibatnya, kepercayaan dan amalan yang mencampuradukkan agama Islam dengan aninisme dalam institusi perubatan tradisional masyarakat Melanau terus kekal sehingga abad ke-19 dan ke-20.

Pengamal perubatan tradisional

Peranan dukun dan bidan dalam institusi perubatan tradisional Melanau bukan sahaja penting untuk mengubati sesuatu penyakit, sama ada penyakit berbentuk fizikal atau bukan fizikal, tetapi juga dalam aspek menjaga kesihatan dan upacara-upacara pusingan hidup. Misalnya, bidan kampung bukan sahaja berfungsi menjaga, merawat bayi dan ibu-ibu selepas bersalin, malah dia juga merupakan orang penting dalam upacara memotong jambul dan turun tanah.

Dalam kalangan masyarakat Melanau, tidak terdapat dukun yang mengkhusus dalam sesuatu penyakit atau masalah. Boleh dikatakan kebanyakan dukun mempunyai kebolehan menyelesaikan pelbagai masalah sama ada penyakit fizikal atau spirituil, masalah peribadi, keluarga dan masalah-masalah sosial yang lain. Mereka dikenali sebagai dukun serba boleh yang boleh mengubat semua penyakit. Kebanyakan anggota masyarakat Melanau akan menemui dukun untuk mengubati sesuatu penyakit sekiranya penyakit tersebut tidak boleh diubati mengikut cara perubatan moden. Misalnya, penyakit terkena buatan orang atau *sa-ang* (terkena sampukan hantu buaya).

Di tinjau dari sudut penglibatan, pengamal perubatan tradisional terbahagi kepada dua golongan iaitu dukun dan bidan kampung. Golongan pertama ialah dukun yang masih aktif dalam mencari, mengadun akar kayu, menyediakan ramuan ubat-ubatan dan merawat penyakit. Dukun yang masih aktif menghabiskan banyak masa menerima pesakit dan menyediakan keperluan ubat-ubatan. Misalnya, dukun akar kayu membahagikan hari-hari tertentu untuk mencari bahan tumbuhan, memilih, meracik,

mengering, mengadun dan memproses bahan tersebut dalam bentuk serbuk debu kering atau racikan. Selain menyediakan ubat-ubatan, mereka juga bersedia menerima pesakit pada bila-bila masa diperlukan. Dukun wanita pula biasanya adalah suri rumah sepenuh masa. Mereka boleh dikunjungi pada bila-bila masa yang dianggap lapang seperti awal pagi, waktu petang dan selepas waktu isyak. Terdapat dukun yang pernah bergiat aktif pada masa lalu, tetapi kini melibatkan diri secara sambilan atau bila diperlukan sahaja. Golongan ini terdiri daripada dukun yang telah uzur dan tua. Keuzuran fizikal yang disebabkan oleh usia, penyakit atau kesibukan dengan tugas lain membuatkan mereka tidak dapat mencari akar kayu sendiri dan hanya memberi penerangan atau panduan tentang tumbuh-tumbuhan yang diperlukan dan bagaimana untuk menggunakan kepada pesakit yang datang berjumpa mereka.

Gelaran bidan diiringi dengan perkataan kampung untuk menunjukkan amalan yang dilakukan adalah bersifat tradisional dan sebagai perbezaan dengan bidan kerajaan. Bidan kampung disegani dan dihormati oleh penduduk kerana ilmu dan kemahiran mereka dalam hal-hal perbidanan. Bidan kampung menumpukan khidmat kepada keadaan ibu sebelum dan selepas melahirkan anak, merawat bayi, menyunatkan bayi yang baru lahir dan perempuan yang memeluk Islam, menguruskan tembuni ibu bersalin sebelum diberikan kepada keluarga untuk ditanam, upacara memotong jambul dan turun tanah serta merawat beberapa jenis penyakit dan keuzuran ringan dalam kalangan wanita dan kanak-kanak. Antara penyakit yang boleh dirawat oleh bidan kampung ialah membuang angin dalam badan, demam, sakit kepala, penyakit meroyan, kanak-kanak yang mengalami kembung perut dan sawan tangis. Bahan utama yang digunakan untuk mengurut ialah minyak *benyu* (kelapa) dan lada putih.

Pengaruh kepercayaan dan agama Islam dalam perubatan tradisional masyarakat Melanau

Kebanyakan dukun menggunakan makhluk halus dalam perubatan mereka. Tidak kira sama ada ilmu batin yang dimiliki oleh seseorang itu diperolehi secara warisan atau pembelajaran, kebanyakan mereka yang terlibat dengan rawatan tradisional ini biasanya membela, bersahabat atau bersaudara dengan makhluk-makhluk halus. Antara makhluk halus yang menjadi belaan mereka ialah hantu raya, pelesit dan hantu laut. Dalam hubungan mereka dengan makhluk halus ini, mereka cuba berbaik-baik di samping cuba menguasai kuasa makhluk halus tersebut. Mereka percaya bahawa makhluk halus mendatangkan penyakit dan makhluk halus juga boleh mengubati penyakit. Mereka mempunyai kebolehan dan kepakaran untuk berhubung dengan makhluk halus. Sebagai orang perantaraan dengan alam ghaib, dukun berupaya mengubati sesuatu jenis penyakit dengan cara memujuk, merayu atau menghalau makhluk halus misalnya penyakit *sa-ang*¹¹⁴ atau *sakang*¹¹⁵. Antara jenis perubatan tradisional masyarakat Melanau ialah memaku¹¹⁶, mengasap, menggunakan *tega*¹¹⁷, *payun* dan *baguda*¹¹⁸.

¹¹⁴ Sejenis penyakit yang dipercaya akibat terkena sampuk hantu buaya

¹¹⁵ Penyakit terkena buatan orang

¹¹⁶ Memaku ialah cara pengubatan yang mudah dan selalu digunakan untuk mengubati sakit gigi. Gigi yang sakit disentuh dengan paku kecil itu kemudiannya ditukul ke dalam tiang.

¹¹⁷ *Tega* untuk mengubati sakit perut, berak dan sakit kepala. Tiang rumah panjang yang sudah roboh digunakan. Tanah liat di sekitar tiang diambil dan diletakkan di tempat yang sakit dengan syarat paku dipacakkkan ke dalam tiang untuk menaikkan semangat orang yang sakit dan menghalau makhluk yang menyebabkannya sakit.

¹¹⁸ *Baguda* dan *bejiji* hanya diamalkan kalau penyakit itu sukar diubati. Mengikut Yasir (1987), baguda hanya digunakan oleh a bayoh kerana mereka berkemampuan menghalau makhluk halus. Dengan

Selain itu, perubatan tradisional menggunakan *dakan*¹¹⁹ dan *bebayuh*¹²⁰ juga masih diamalkan oleh beberapa orang dukun mengikut jenis penyakit dan permintaan daripada masyarakat Melanau. Bagi golongan tua yang masih tebal kepercayaan mereka bahawa penyakit dan kejadian buruk yang menimpa adalah berpunca daripada kuasa ghaib, maka perubatan cara *bebayuh* digunakan.

Terdapat juga dukun yang menggunakan makhluk halus untuk kegunaan dan kepentingan mereka sendiri. Mereka ini biasanya diupah menggunakan makhluk peliharaan untuk mencederakan, mendatangkan penyakit atau menyebabkan kematian seseorang. Wujudnya kegiatan mengkhianati orang lain secara magis ini berpunca daripada perasaan dendam atau ingin membala dendam terhadap seseorang.

Selain menggunakan makhluk halus, kaerah jampi dan mantera juga digunakan kerana dipercayai mempunyai kuasa yang boleh menunduk, memberani, mengasihi dan mengubati. Misalnya jampi untuk memanipulasi semangat atau menyihir seseorang. Manipulasi semangat atau sihir ini boleh dilakukan dari jarak jauh atau jarak dekat. Amalan seru dan puja yang dilakukan secara keras atau lembut biasanya bertujuan untuk memujuk, merayu serta mempengaruhi semangat supaya meninggalkan badan. Setelah semangat meninggalkan badan, seseorang itu boleh menjadi lemah dan akhirnya dimanipulasi mengikut kehendak tukang sihir. Kebiasaan sihir lebih mudah mengena mangsa pada malam hari, terutamanya ketika mangsa sedang tidur dan tidak mempunyai pendinding diri. Pada waktu ini, manusia lebih terdedah kepada pelbagai serangan, terutamanya oleh makhluk halus dan sihir. Misalnya, *pugau* diamalkan dengan tujuan melembutkan hati perempuan yang dikasihi.

Penyebaran agama Islam telah meninggalkan kesan terhadap kepercayaan masyarakat Melanau. Untuk memberikan legitimasi kepada kepercayaan mereka, segala adat dan pembacaan jampi dan mantera dicampurkan dengan unsur keislaman seperti menyebut nama Allah dan Nabi Muhammad SAW serta pembacaan ayat al-Quran dan doa tertentu. Terdapat banyak jampi dan mantera yang diamalkan dan diwarisi secara turun temurun oleh masyarakat Melanau ini.

Misalnya jampi digunakan sebagai pendinding diri dari mara bahaya. Jampi ini dikenali sebagai sanga bunuh.

Bismillahirrahmanirrahim

menggunakan lilin, a bayoh tahu jenis penyakit yang dihidapinya. Asap kemenyan digosok di badan pesakit untuk menghalau *ipok* daripada badannya.

¹¹⁹ *Dakan* ialah patung yang diukir daripada empulur dahan sagu ataupun kayu yang lembut. Dukun akan mengukir *dakan* sesuai dengan jenis hantu dan penyakit. Ukiran pada *dakan* tersebut mempunyai pengertian dan fungsi tersendiri. Oleh sebab itu, bukan sebarang dukun yang boleh mengukirnya. Hanya dukun yang mendapat mimpi tertentu sahaja menciptanya. Sekiranya dukun tidak diperkenankan oleh roh tertentu, dukun itu sendiri akan diserang dengan penyakit yang sukar diubati (Jeniri Amir, 1988). Mengikut Ibrahim (1971), *dakan* dibuat dalam pelbagai rupa seperti lembaga manusia, binatang dan jong. Terdapat beberapa jenis *dakan* di Bintulu iaitu *dakan jakau*, *dakan sayang*, *dakan bawen*, *dakan ivi*, *dakan sa-ang* dan *dakan dengaya*.

¹²⁰ *Babayuh* adalah cara pengubatan tradisional bertujuan untuk memanggil dan memujuk makhluk halus yang mendatangkan penyakit. Upacara *bebayuh* diadakan pada waktu malam, dimulakan dengan paluan gong dan rebana. Rentak paluan mula-mula perlahan-lahan dan kemudian beransur-ansur menjadi rancak. Sambil bergendang, tukang *babayuh* menyanyi dan menyeru nama makhluk halus. Hantu peliharaan tukang *babayuh* itu sendiri datang kepadanya diikuti oleh hantu lain. Tukang *babayuh* akan meminta bantuan cara-cara mengubati penyakit daripada hantu-hantu tersebut. Mayang pinang dari sudut sebelah timur dan putik mayang yang belum berkembang digunakan untuk menyapu seluruh tubuh pesakit supaya mujarab dan bagi menghalau hantu (Hashim, 1980).

Hai batu pahit, batu mawa
 Dari jauh engkau (sebut nama) melihat mukaku merah mata
 Dari dekat engkau melihat mukaku
 Lemah wujudmu serta sendi anggotamu melihatku
 Sejuk hatimu melihatku seperti telaga di bawah bukit
 Berkat aku memakai doa sanga bunuh, sanga mara
 Lailahaillallah Muhammadurrasulullah (dibaca tiga kali)¹²¹

Tin salamin tin
 Terbang burung sanga mara
 Hinggap di pintu Siti Aminah
 Hei malaikat sanga rabin
 Jikalau ada mara ku datang
 Gerak engkau aku
 Jikalau ada amal ku datang
 Campak engkau aku
 Berkat aku memakai doa sanga mara
 Baginda Ali Rasulullah
 Berkat Lailahaillallah Muhammadurrasulullah

Nyior hijau kelapa muda
 Ditanam serumpun buluh
 Aku memakai sanga bunuh
 Terbunuh Allah baharu aku terbunuh
 Sah kata Allah tiada aku mati
 (Ibrahim Saad, 1971)

Jampi untuk mendapat kemenangan dalam perbicaraan sesuatu kes atau berharap orang lain tunduk kepadanya.

Sang Kabat Sang Karut
 Nabi Muhammad mengabat Allah mengarut (Ibrahim Saad, 1971)

Jampi mantera juga digunakan sebagai ubat pengasih. Jampi mantera dibaca pada bunga, misalnya, doa untuk tujuan pengasih dibaca tiga kali pada bunga berwarna kuning. Bacaannya seperti berikut:

Bismillahirrahmanirrahim
 Hai bungaku si kembang
 Kembang merata-rata
 Bila malam termimpi-mimpi
 Bila siang di mata-mata
 Berkat doa Lailahaillallah Muhammadurrasulullah¹²²

Antara lain jampi pengasih juga berbunyi seperti berikut:

Bismillahirrahmanirrahim

¹²¹ Sumber dari dukun Mustafa (sumber lapangan)
¹²² Sumber dari dukun Mustafa (sumber lapangan)

Hai pinangku sundangan bulan
 Kembang dua raja manis
 Tujuh hari sembilan bulan
 Aku jua dikenang-kenang
 Aku jua terbayang-bayang
 Tidur tak lalu tergupu-gupu
 Merayu-rayu di hatinya
 Gila mabuk seumur hidup
 Berkat doa Lailahaillallah Muhammadurrasullullah
 Tunduk kasih ria suka melihat aku
 Gila mabuk seumur hidup
 Merayu-rayu di hatinya
 Berkat doa Lailahaillallah Muhammadurrasullullah¹²³

Berikut ialah dua contoh penyakit yang diubat menggunakan tumbuhan dan jampi mentera. Misalnya, untuk sakit perut, doa dibaca kepada *arik* (sirih) bertemu urat dan *wai* (pinang) sebanyak tiga kali. Dibacakan tiga kali pada kapur dan ditekan pada perut yang sakit. Bacaan seperti berikut:

Hai jamir, aku tahu asal mulamu
 Angin puteri amir
 Nama ibumu penawar Allah
 Nama anakmu kononkah sakit
 Tajammu tiada tawar
 Sedangkan air lautan sedang
 Tawar berkat doa Lailahaillallah Muhammadurrasullullah.¹²⁴

Untuk penyakit dalam perut, digunakan buah limau nipis dan kapur makan. Limau nipis dibelah dua dan disapu kapur pada bahagian tengahnya dan dijampi. Sebanyak tiga biji buah limau diperlukan untuk disapukan ke bahagian yang sakit selama tiga hingga empat hari. Jampi berbunyi seperti berikut:

Hei rumah baca di hujung tanjung
 beratap daun keladi,
 aku tahu asal mulamu barah, nanah mengandung,
 aku tawar tidak menjadi sah tawarku sah,
 Lailahaillallah Muhammadurrasulullah.¹²⁵

Ataupun jampi berikut:

Hai jamir aku tahu asal mulamu angin puteri amir
 Nama ibumu penawar Allah
 Nama anakmu kononkah sakit
 Tajammu tiada tawar
 Sedangkan air lautan sedang tawar berkat doa
 Lailahaillallah Muhammadurrasulullah (dibaca tiga kali)¹²⁶

Sekiranya terkena racun, duri, kaca atau buluh dijampi seperti berikut:

¹²³ Sumber dari dukun Mustafa (sumber lapangan)

¹²⁴ Sumber dari dukun Mustafa(sumber lapangan)

¹²⁵ Sumber dari dukun Mustafa (sumber lapangan)

¹²⁶ Sumber dari dukun Mustafa (sumber lapangan)

InnaAllah hakkawiyuunazim
 Bismillah pecah
 Bismillah belah
 Bismillah hancur
 Bismillah sepur
 Aku tolak hikmatmu dengan tolak tiga
 Hak yang empunya
 Lailahaillah Muhammadurrasulullah.¹²⁷

Seterusnya ialah jampi untuk kanak-kanak yang terkena sawan:

Patah puchok gendula
 Menduga lubok dalam
 Patah patok burong raya
 Kena chucha siang dan malam
 Patah sayapmu mengebap
 Putus kakimu mengarih
 Hanchor hatimu mengenang
 Tuli telingamu mendengar
 Aku tahu asal mula menjadi
 Sawan semok, urie tembuni asal mula menjadi
 Nyah-lah engkau bawa chichit
 Ka-tasek ka-pauh janggi
 (Ibrahim Saad, 1971)

Seterusnya jampi apabila terlekat tulang ikan:

Allahuma lakahartum
 Karau karie tagang tagoh
 Kan sendi-sendirang tulangku
 Uratku menjadi kawat tulangku menjadi besi kursani
 Kuatku kuat Ali, gagahku gagah Ali
 Naikkan Chula atas badanku, chula berdiri sendirinya
 Berkat Lailahaillah Muhammadurrasulullah (Ibrahim Saad, 1971)

Ataupun jampi seperti berikut;
 Bintang ditiang
 Naga di lubok
 Batang melintang
 Naga menumbok
 (Ibrahim Saad, 1971)

Jampi dibaca untuk mengunci mulut ular, lipan, kala jengking atau binatang bisa yang lain pada waktu malam. Ia dibaca tiga kali dan bacaannya seperti berikut:

Bismillahhirrahmanirrahim
 Kad tulisanah hayat wasik
 Bawal hayat mukad dan
 Nawayadas sarikel asyhaduan
 Lailahaillah Muhammadurrasulullah¹²⁸

¹²⁷ Sumber dari dukun Mustafa (sumber lapangan)

¹²⁸ Sumber daripada dukun Mustafa (sumber lapangan)

Jampi untuk menghalau hantu tinggi atau hantu hujan panas:

Daunnya mamar batangnya mamar
 Di kayu rakit
 Sapan kami pun sapar kita
 Bersanak saudara
 Mahraja kuning namanya yang laki-laki
 Puteri normuri namanya yang perempuan
 Pagi hari engkau turun dari matahari naik
 Petang hari engkau turun dari matahari turun
 Senjatamu bernama sakin chemerlang
 Asamu bernama chemerlang bertempat
 Antara langit dan bumi (Ibrahim Saad, 1971)

Jampi untuk memukau seseorang supaya tidak sedar atau tidur nyenyak.

Tilek Allah amal Allah
 Seri mayan nama empedu mu
 Seri lakom simpan hawa mu
 Berhawa engkau tiada bernafsu
 Mutu hati mu tiada dapat berkata
 Berkata mayat baharu engkau dapat berkata
 Bergerak tunggol yang berdiri baharu
 Engkau dapat bergerak (doa mayat)
 (Ibrahim Saad, 1971)

Jampi untuk mengetahui sama ada seseorang perempuan itu suka atau benci kepada seseorang lelaki. Kelakuan perempuan itu menggambarkan hasrat hatinya.

Hei Adam kalamu Adam
 Aku hendak bertanya engkau
 Jikalau engkau suka
 Sapu akan dada ka muka mu
 Jikalau engkau tidak suka
 Sapu akan ka kaki ka belakang mu
 (Ibrahim Saad, 1971)

Jampi untuk penerang hati:

Rang kayu barang
 Kayu barang menunjok akan
 Terang hati ku terang
 Allah Taala menunjok akan

Jampi untuk menjadi kebal atau jampi bangkitan asal besi. Jampi ini juga kononnya boleh melembutkan besi:

Zamitu zamaita
 Aku tahu asal mula menjadi besi
 Batu lembu (lembut) asal mula menjadi besi
 Batu asal menjadi ayer
 Ayer menjadi lumut

Lumut menjadi tanah
 Tanah menjadi batu
 Batu menjadi besi
 Besi kursani asal mula menjadi besi
 (Ibrahim Saad, 1971)

Berhubung dengan penggunaan jampi mantera dalam perubatan tradisional masyarakat Melanau, timbul satu persoalan iaitu adakah kepercayaan aninisme disesuaikan dengan dengan ajaran Islam atau sebaliknya ajaran Islam dimasukkan ke dalam kepercayaan aninisme agar ia berbentuk Islam dan diterima sebagai sebahagiannya. Dalam perkara ini, kedua-dua unsur memang ada berlaku walaupun kedudukan Islam kukuh dalam kalangan masyarakat ini. Oleh demikian, wajarlah dukun memasukkan unsur-unsur Islam dengan banyaknya ke dalam jampi dan mantera supaya mereka akan dianggap sebagai sebahagian daripada pengikut ajaran Islam yang diterima walaupun pada hakikatnya banyak yang menyalahi ajaran Islam yang sebenarnya.

Kesimpulan

Kepercayaan tentang makhluk halus membawa penyakit, malapetaka atau boleh mengakibatkan kemalangan kepada anggota masyarakat Melanau tidak lagi ketara pada zaman ini. Faktor kehilangan pengaruh kepercayaan terhadap makhluk-makhluk halus ini adalah kerana masyarakat Melanau tidak lagi memuja ataupun memperdulikan makhluk-makhluk halus ini. Mereka percaya bahawa makhluk-makhluk halus itu tidak mengganggu manusia sekiranya mereka tidak diganggu. Di samping faktor agama Islam, faktor pendidikan moden yang diterima oleh generasi muda dan usaha pihak kerajaan menggalakkan mereka menggunakan perubatan moden telah melenyapkan sedikit sebanyak kepercayaan lama, terutamanya golongan muda kepada perubatan tradisional menggunakan makhluk halus dan jampi mantera ini.

Rujukan

- Hashim Awang. (1980). "Kepercayaan Magis di kalangan Kaum Melanau", April dan Mei, Dewan Budaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibrahim Sa'ad. 1971. Kesah Bintulu. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Ismail Hamid. 1998. "Agama dan kepercayaan". Dlm Wan Hashim Wan Teh, & Ismail Hamid, Nilai budaya masyarakat desa, kajian etnografi di Wang Kelian Perlis. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. 1988. "Komuniti Melanau". Dlm Zainal Abidin Zulcifly (penyelenggara), Adat Resam Penduduk Sarawak. Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem, Perayaan ulang Tahun Ke 25 Sarawak Merdeka dalam Malaysia. Kuching: See Hua Daily News Bhd.
- MacDonald, Malcolm. 1958. Borneo People. London.
- Morris, H.S., 1978. The Coastal Melanau. Essays on Borneo Societies, ed. Victor T. King. Oxford: Oxford University Press.

Yasir Abdul Rahman. 1987. Melanau Mukah: Satu kajian budaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaini Ozea. 1998. "Bahasa Melanau: Suatu Tanggapan awal". Dlm Aidan Wing (penyelenggara), Sejarah, Budaya dan Realiti Baru Kaum Melanau. Kuching: Lembaga Amanah Kebajikan Kaum Melanau Sarawak.